



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (34)
Tarikh: 7 Syaaban 1444H
28 Februari 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 7 Tahun 2023

Format dan Pemakaian Notis Untuk Pemeriksaan Balas Afidavit

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 12 Januari 2023 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubungan dengan pemakaian format Notis Untuk Pemeriksaan Balas Afidavit sepertimana yang dirujuk dalam seksyen 118 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 adalah sebagaimana Borang AA 7/2023 yang dilampirkan.

Notis perlu difailkan di Mahkamah yang menjalankan perbicaraan / pendengaran menggunakan afidavit tersebut dan diserahkan kepada deponen dan pihak yang memfailkan Afidavit tersebut sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum tarikh prosiding yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **12 Januari 2023.**



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

BORANG AA 7/2023
ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(PERAK) 2004
(Subsyeksyen 118 (1))

NOTIS PEMERIKSAAN BALAS

(Tajuk Am)

AMBIL PERHATIAN bahawa (nama pihak yang berhasrat untuk memeriksa balas) yang dinamakan di atas berhasrat untuk memeriksa balas(nama deponen)... dalam tindakan ini pada(tarikh/masa)..... berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 118 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 Afidavit berikut :

- a) (nyatakan tajuk afidavit dan butiran pernyataan afidavit yang hendak diperiksa balas) bertarikh
- b) (nyatakan tajuk afidavit dan butiran pernyataan afidavit yang hendak diperiksa balas) bertarikh
- c) (nyatakan tajuk Afidavit dan butiran pernyataan Afidavit yang hendak diperiksa balas) bertarikh

Bertarikh pada haribulan 2023

.....
Responden /
Pegam Syarie Responden

